



## IKLAN JAWATAN KOSONG

### PENSYARAH PERUBATAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Universiti Sultan Zainal Abidin dengan ini mempelawa calon Warganegara/ Bukan Warganegara yang berkelayakan, berumur tidak kurang daripada 18 tahun (Warganegara) atau berumur tidak kurang daripada 27 tahun (Bukan Warganegara) pada masa permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik Tetap/ Kontrak sepertimana berikut:

#### JAWATAN AKADEMIK

FAKULTI	BIDANG
<b>Fakulti Perubatan</b>	Perubatan Dalaman ( <i>Internal Medicine</i> ) Pembedahan ( <i>Surgery</i> ) Perbidanan & Sakit Puan ( <i>Obstetrics &amp; Gynaecology</i> ) Pediatrik ( <i>Paediatric</i> ) Ortopedik ( <i>Orthopaedic</i> ) Patologi Kimia ( <i>Chemical Pathology</i> ) Anatomi Patologi ( <i>Pathology Anatomy</i> ) Perubatan Kecemasan ( <i>Emergency Medicine</i> ) Oftalmologi ( <i>Ophthalmology</i> ) Psikiatri ( <i>Psychiatric</i> )

## PEMOHON HENDAKLAH MEMPUNYAI SYARAT KELAYAKAN SEPERTI BERIKUT:

### 1) JAWATAN: PENSYARAH PERUBATAN

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU51P

- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**
- (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU51

- (a)
  - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
  - (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
  - (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**
  - (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU53 (PROFESOR MADYA)

- (b)
  - (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a); **dan**
  - (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan; **dan**
  - (iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang **istimewa mutunya**.

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU55 (PROFESOR MADYA)**

- (c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a); **dan**
- (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan; **dan**
- (iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang **sangat istimewa mutunya.**

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

- (d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a); **dan**
- (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan; **dan**
- (iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang **terkemuka mutunya.**

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU (CALON WARGANEGARA)**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>		
	<b>Minimum (RM)</b>	<b>Maksimum (RM)</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)</b>
DU51P	4,123.00	11,859.00	280.00
DU51	5,862.00	12,492.00	290.00
DU53	6,251.00	13,351.00	320.00
DU55 Hanya terpakai kepada Pensyarah Perubatan (Pakar)	6,640.00	14,210.00	400.00
VK7	7,676.00	20,592.00	9%

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan atau kepakaran berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan.

## **CARA MEMOHON/ SYARAT PERMOHONAN**

1. Calon-calon yang berminat hendaklah mengisi Borang Permohonan Jawatan Akademik yang boleh didapati di Laman Sesawang UniSZA.
2. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen berikut (yang telah disahkan);
  - (i) Gambar berukuran pasport;
  - (ii) Kad Pengenalan/ Pasport;
  - (iii) Penyata Perkhidmatan lengkap dan dikemaskini (bagi pegawai-pegawai kerajaan di dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (Malaysia sahaja));
  - (iv) Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini;
  - (v) Sijil-sijil akademik seperti Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda/ Setaraf dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dan sijil/ dokumen lain yang berkaitan.
3. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan atau tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Hanya calon-calon yang berkelayakan dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam proses permohonan/ menghadiri temuduga.
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan/ permohonan ini, hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

6. Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak urus setia di talian:
- i) 09-668 8381 - Puan Norazila Binti Kechik @ Ghazali
  - ii) 09-668 8966 - Puan Siti Rabi'atul Adawiyah Bt Ismail
7. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Bahagian Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Aras 3, Bangunan Canselori  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
**TERENGGANU DARUL IMAN**

**Tarikh tutup permohonan : 27 Mei 2021 (Khamis)**